

Kerjaya Prospek menang kontrak pembinaan bernilai RM223 juta di JB

Ogos 12, 2026



Kerjaya Prospek Group Bhd

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Group Bhd, Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd mendapat kontrak bernilai RM223 juta daripada Sunway Majestic Sdn Bhd untuk membina dan menyiapkan bangunan utama bagi projek pembangunan di Johor Baharu.

Kontrak berkenaan antaranya merangkumi pelaksanaan kerja-kerja bangunan utama untuk 1,012 unit pejabat kecil/ pejabat rumah (SOHO).

"Kontrak itu akan berkuat kuasa pada 1 September 2026 dan dijangka siap dalam tempoh 32 bulan daripada tarikh bermula," menurutnya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kontrak itu dijangka memberikan sumber pendapatan tambahan kepada kumpulan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

-BERNAMA